# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI NEGERI KELANTAN

OLEH

WAN SUHAILA BINTI WAN HAMID
SARJANA MUDA PENGURUSAN
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
( KUSTEM)

2006

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100045606

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
Perpustakaan

LI 68 FPE 2 2006

1100045606
Laporan akhir latihan industri di Jabatan Pembangunan Koperas
Negeri Kelantan / Wan Suhaila Wan Hamid.

**PERPUSTAKAAN**
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

| 1100045606 | | |
|---|---|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI NEGERI KELANTAN .

**Oleh**

**WAN SUHAILA BINTI WAN HAMID**
**Sarjana Muda Pengurusan**
**(Polisi Dan Sekitaran Sosial)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2006

1100045606

## Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya **Wan Suhaila Binti Wan Hamid (840830036080), UK 9405,** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



**Nama :** Wan Suhaila Binti Wan Hamid

**Tarikh :** 12/10/2006

**Disahkan Oleh :**



**Penyelia KUSTEM**
**b/p Pengerusi Latihan Industri**
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**
**KUSTEM**

**PENGHARGAAN**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya maka saya telah dapat menyiapkan laporan akhir Latihan Industri ini dengan jayanya. Di sini saya ingin merakamkan penghargaan dan rasa terima kasih saya kepada semua individu yang telah memberi kerjasama dan tunjuk ajar kepada saya sama ada secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang saya menyiapkan kertas kerja ini.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Dr Asyraf Bin Abd Rahman selaku penyelia KUSTEM, En. Akram Bin Hasan selaku penyelia industri dan Tuan Hají Zainun bin Hamzan selaku Pengarah di Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) negeri Kelantan. Mereka ini yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, bantuan, nasihat, kritikan yang membina dan pendapat yang sangat berguna dan berharga kepada saya dalam menyiapkan laporan akhir ini. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan-kakitangan yang berkhidmat di Pejabat JPK yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan laporan akhir ini. Semoga Allah S.W.T akan membalas segala jasa dan budi kalian.

Ucapan penghargaan juga ditujukan teristimewa untuk keluarga tersayang iaitu ibu dan bapa saya yang banyak memberi sokongan dan dorongan serta sentiasa mendoakan kejayaan saya. Tidak lupa juga ucapan penghargaan ini ditujukan khas untuk rakan-rakan seperjuangan yang lain yang turut sama membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya dalam menyiapkan laporan ini. Semoga Allah S.W.T merahmati kalian.

# ISI KANDUNGAN


| PERKARA | | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| **Pengesahan Keaslian Laporan** | | **i** |
| **Penghargaan** | | **ii** |
| **Isi Kandungan** | | **iii** |
| **Ringkasan Perkataan** | | **vi** |
| **Senarai Lampiran** | | **vii** |
| **Senarai Rajah** | | **viii** |
| **Ringkasan Eksekutif** | | **ix** |
| **BAB 1** | | |
| **LATAR BELAKANG ORGANISASI** | | |
| 1.0. | Pengenalan | 1 |
| | 1.1.1 Objektif Latihan Industri | 3 |
| | 1.1.2 Kepentingan Latihan Industri | 4 |
| 1.2 | Sejarah Jabatan Pembangunan Koperasi | 5 |
| | 1.2.1 Logo Jabatan Pembangunan Koperasi | 8 |
| | 1.2.2 Struktur Organisasi JPK Kelantan | 11 |
| | 1.2.3 Pasukan Pengurusan JPK | 13 |
| | 1.2.4 Dasar JPK Negeri | 15 |
| 1.3 | Dasar Organisasi | 16 |
| | 1.3.1 Kawal selia | 16 |
| | 1.3.2 Pengembangan | 16 |
| | 1.3.3 Sokongan Pentadbiran | 17 |
| | 1.3.4 Penyelidikan | 17 |
| 1.4 | Misi Jabatan | 17 |
| 1.5 | Objektif Jabatan | 18 |
| 1.6 | Strategi JPK Negeri Kelantan | 19 |
| 1.7 | Etika-etika Kerja Koperasi | 19 |

1.8 Struktur Organisasi 22
1.8.1 Bahagian Pengesanan 23
1.8.2 Bahagian Pengembangan 24
1.8.3 Bahagian Pengawalan/Penguatkuasa 25
1.8.4 Bahagian Pengurusan Sumber 27
1.8.5 Bahagian Audit Dan Akaun 29
1.8.6 Bahagian Pinjaman Dan Pelaburan 34

1.9 Perancangan Masa Depan JPK 36
1.10 Wawasan Jabatan Pembangunan Koperasi 38
1.11 Ringkasan Aktiviti Pelatih Semasa Latihan Industri 39

**BAB 2**

**SISTEM KERJA, MASALAH DAN PENYELESAIAN**

2.0. Pengenalan 41
2.1 Mengenalpasti Masalah Sedia Ada 41
2.1.1 Sistem Pengurusan Fail 41
2.1.2 Sistem Operator 42
2.1.3 Sistem Telefon Dan Faks 43
2.1.4 Sistem Perakam Waktu 44
2.1.5 Sistem Pendaftaran Koperasi 44
2.1.6 Sistem Pinjaman 46
2.1.7 Sistem Pengembangan Ahli 47

2.2. Pengenalpastian Masalah 49
2.2.1 Masalah Pengurusan Fail 49
2.2.2 Masalah "*System Punch Card*" 50
2.2.3 Masalah Sistem Pendaftaran Koperasi 50
2.2.4 Masalah jadual Waktu Pelajar Praktikum 51
2.2.5 Masalah Tempoh Latihan Pelajar Praktikum 52

2.3. Analisis Dalaman Dan Luaran Organisasi (*SWOT*) 53
2.3.1 Kekuatan (*Strenghts*) 54
2.3.2 Kelemahan (*Weekness*) 58

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

| | | |
|---|---|---|
| | 2.3.3 Peluang (*Oppurtunities*) | 62 |
| | 2.3.4 Ancaman (*Threats)* | 65 |
| 2.4. | Pelaksanaan cadangan | 68 |
| **BAB 3:** | **KESIMPULAN** | **72** |
| | **RUJUKAN** | **74** |
| | **LAMPIRAN** | **76** |

## RINGKASAN PERKATAAN

**LI-** Latihan Industri

**FPE** - Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

**KUSTEM** - Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

**JPK-** Jabatan Pembangunan Koperasi

**TMP-JPK-** Tabung Modal Pusingan Jabatan Pembangunan Koperasi

**SSB** - Sistem Saraan Malaysia

**JPA** - Jabatan Perkhidmatan Awam

**MCIS** - *Co- operative Insurans Society*

**PIBG** - Persatuan Ibu Bapa dan Guru

**KIK** - Koperasi Industri Kampung

## SENARAI LAMPIRAN


1. (Lampiran 1) - Mengenal koperasi
2. (Lampiran 2) - Ulasan/arahan pengarah/pendaftar Koperasi Negeri yang dilakukan oleh pelatih
3. (Lampiran 3) - Surat permohonan penubuhan koperasi/prosedur penubuhan koperasi
4. (Lampiran 4) -Tentatif program bagi pengembangan kakitangan
   - Analisa kepuasan pelanggan setiap bulan yang dilakukan oleh pelatih.
   - Jadual keterlibatan pelatih dengan aktiviti luar pejabat

## SENARAI RAJAH

1. Logo Jabatan Pembangunan Koperasi
2. Jadual makna lambang Logo Jabatan Pembangunan Koperasi
3. Struktur organisasi Jabatan Pembangunan Koperasi
4. Rajah pegawai bahagian pengesanan
5. Rajah pegawai bahagian pengembangan
6. Rajah pegawai bahagian pengawalan dan penguatkuasaan
7. Rajah pegawai pengurusan sumber
8. Rajah bahagian audit dan akaun
9. Rajah proses penubuhan dan pendaftaran koperasi
10. Rajah proses sistem pengembangan kakitangan

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Pembangunan koperasi (JPK) merupakan satu organisasi peringkat negeri Kelantan yang terdapat di bangunan Wisma Persekutuan, Kota Bharu. Jabatan ini mempunyai beberapa cawangan dimana ia dipecahkan mengikut wilayah. Jabatan ini bertanggungjawab dalam menentukan pembangunan rakyat melalui keterlibatan dalam koperasi yang ditubuhkan. Objektif pelaksanaan ini ádalah untuk membantu golongan bandar dan luar bandar dalam meningkatkan pendapatan seterusnya meningkatkan taraf ekonomi. Ia juga berperanan dalam mewujudkan masyarakat yang berjimat cermat terutama bagi golongan kerajaan.

Jabatan Pembangunan Koperasi di ketuai oleh Tuan Hj Zainun Bin Hamzan sebagi pengarah. Beliau dibantu En. Muni bin Mohd Nor selaku penolong pengarah JPK dan pegawai-pegawai lain di jabatan ini. Organisasi ini mempunyai enam jabatan dimana setiap jabatan mempunyai peranan dan tugas masing-masing dalam menjalankan aktiviti organisasi. Jabatan tersebut ialah bahagian pengesanan, bahagian pengembangan, bahagian pengawalan/penguatkuasa, bahagian pengurusan sumber, bahagian audit dan akaun serta pinjaman dan pelaburan.

Tidak dapat dinafikan bahawa setiap organisasi memiliki masalahnya yang tersendiri. Antara permasalahan yang wujud di dalam organisasi ini serba sedikit akan mempengaruhi proses operasinya dan menyebabkan tugas-tugas yang dijalankan tidak akan berjalan dengan lancar. Permasalahan yang wujud di sini adalah melibatkan tenaga kerja dan juga sistem pelaksanaan tugas setiap kakitangan yang terbantut akibat daripada corak pengurusan yang kurang efektif, antara masalahnya ialah sistem pengurusan fail, sistem punch card, sistem pendaftaran koperasi, kekurangan tenaga kerja dan lain-lain lagi . Sehubungan itu, beberapa cadangan untuk menyelesaikan masalah tersebut telah diberikan contohnya penambahan tenaga kerja, meningkatkan kemudahan, penerangan yang jelas kepada pelanggan dan sebagainya. Diharap dengan adanya cadangan penyelesaian terhadap masalah yang dikenalpasti pihak Jabatan

Pembangunan Koperasi dapat meneliti dan menilai semula cadangan yang telah diberikan dan memberi perhatian yang serius supaya tahap kecekapan di jabatan ini lebih bermutu dan menambahkan komitmen pekerja.

Bagi diri pelatih, Latihan Industri ini merupakan satu program yang bersifat positif kepada semua pihak. Latihan Industri yang dijalankan merupakan satu permulaan yang baik bagi seseorang pelajar dalam menyesuaikan diri terhadap persekitaran kerja yang sebenar. Pemilihan organisasi yang tepat dan bersesuaian dengan bidang kursus yang diikuti oleh pelajar merupakan satu perkara yang perlu ditekankan.

Secara keseluruhannya, Latihan Industri ini banyak mendedahkan pelatih terhadap keadaan sebenar di dalam pengurusan sesebuah organisasi. Pengalaman dan ilmu yang telah diperolehi selama 12 minggu menjalani Latihan Industri ini sememangnya banyak memberikan gambaran yang sebenar terhadap situasi dialam pekerjaan. Diharapkan latihan seumpama ini akan diteruskan dan diperluaskan skopnya.